

30 AUG 2001

Samy-Merdeka

MASYARAKAT INDIA DIGESA HIDUPKAN SEMULA SEMANGAT MERDEKA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu menggesa masyarakat India supaya menghidupkan semula semangat Merdeka dan menghargai kemajuan yang dicapai oleh negara selepas 44 tahun mencapai kemerdekaan.

Beliau berkata Malaysia, negara kecil yang mempunyai 23 juta penduduk, mempunyai wajah baru sejak mencapai kemerdekaan pada 1957 melalui pembangunan dan kestabilan politik yang menjamin keamanan di kalangan masyarakat berbilang kaum.

"Walaupun Malaysia cuma sebuah negara kecil dalam peta dunia tetapi kita dikenali di seluruh dunia kerana kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh negara," kata beliau dalam perutusan sempena ulang tahun Hari Kebangsaan di sini hari ini.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata negara mengamalkan demokrasi yang diterima oleh semua kaum dan menyediakan peluang untuk semua.

Beliau juga menggesa masyarakat India supaya bekerja keras dan mengekalkan perpaduan.

"Setiap seorang daripada kita harus mempunyai semangat Merdeka dan juga menanamkan semangat yang dilalui oleh negara kepada generasi muda," kata beliau.

Samy Vellu menarik perhatian bahawa dalam tempoh 20 tahun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memimpin negara, Malaysia telah mencapai kemajuan dalam banyak bidang dan penubuhan Koridor Raya Multimedia mencerminkan hasrat negara untuk mengejar kemajuan global.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita harus berbangga dengan apa yang telah kita capai," kata beliau.

Sementara itu, Presiden Parti Penduduk Progresif (PPP) Datuk M. Kayveas berharap Hari Kemerdekaan tahun ini akan membawa semangat baru kepada semua untuk meneruskan cita-cita para pejuang kemerdekaan terdahulu yang berusaha mewujudkan bangsa Malaysia Baru.

Beliau berkata rakyat negara ini tidak kira bangsa dan agama harus peka kepada peranan masing-masing untuk membanggunkan ekonomi selaras dengan era globalisasi serta kecanggihan teknologi maklumat.

"Renunglah semula ke belakang, apa yang terbina selama ini bukanlah sesuatu yang dapat dicapai dalam masa yang singkat. Oleh itu sebagai rakyat Malaysia janganlah kita hanya mengejar harta kekayaan tetapi cintailah keharmonian yang kita nikmati," katanya.

-- BERNAMA

DC ES FAZ